



KOPI PAHIT

Merdeka! Merdeka! Merdeka! Di sana sini bergema tempik sorak orang-orang kita menyambut Tengku pulang dari London sama ada di Singapura, di Melaka dan di Kuala Lumpur! Syabas di atas kegembiraan itu dan hanya suatu harapan lagi mudah-mudahan begitulah pula gembiranya nanti mereka berusaha mengisi merdeka itu supaya berfaedah kepada bangsa Melayu – tidak kepada anak dagang.

* * *

Hingga masa ini orang-orang awam masih ragu-ragu lagi apakah kebangsaannya negara merdeka di Malaya pada 31 Ogos 1957 yang akan datang. Melayukah atau Malayankah? Pertanyaan ini masih belum mendapat jawapan yang tepat dari Tengku. Orang-orang awam masih ragu-ragu lagi kerana apabila kebangsaannya Malayan maka dengan sendirinya menjadikan Melayu itu bukan lagi sebagai bangsa tetapi adalah ia sebagai kaum, kebimbangan itu bertambah-tambah lagi apabila Tengku di dalam lawatannya di Corby, England, dahulu menyatakan bahawa penuntut-penuntut di sana merasa sukacita yang mereka itu berbangsa Malayan. Tidakkah itu sebagai satu bayangan bahawa kebangsaan negara merdeka nanti berbangsa Malayan? Hanya Tengku sendiri yang dapat menjawab soalan ini.

* * *

Tengku sebelum pilihanraya dahulu menyatakan bahawa beliau akan berusaha mengadakan kerahan am untuk menghapuskan keganasan Komunis di Malaya. Sesudah berjumpa Chin Peng dan sesudah balik dari London rancangan kerahan am tidak berbunyi-bunyi juga lagi. Tengku nampaknya masih ragu-ragu. Tengku menyatakan kalau diadakan kerahan am takut terbit pula perkelahian di antara Cina dengan Melayu? Rombongan Tengku sesudah memberi akuan di London akan bekerja menghapuskan Komunis itu mereka, sekarang hendak berjalan berkeliling meminta fikiran ramai supaya mereka memberi fikiran bagaimana caranya hendak menghapuskan pengganas-pengganas itu. Orang-orang tentu hairan bagaimana Tengku sebelum pergi dahulu tidak meminta fikiran ramai tetapi setelah menerima bebanan baharu mahu bertanya fikiran ramai tentang ini. Kita hanya angkat bahu sahaja – sebab kalau banyak cakap.....maklum bung! Kuasa ada di tangan sekarang!

* * *

Ketua Umum Masyumi di dalam kenyataannya kepada akhbar di Medan telah menyatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan di dalam pemerintahan di Indonesia sekarang adalah bersifat “kediktatoran”. Bagi kita di Malaya tahu dan mendengar ucapan-ucapan Bung Karno bahawa beliau menegakkan negara demokrasi yang sejati dan sebab itu perkataan Tuan Mohammad Natsir tentunya baharu bagi kita. Bagaimana yang sebenarnya? Jawabnya: Bung Natsir betul. “Tidakkah Bung Karno enggan menandatangani undang-undang anti makan suap? Tidakkah Bung Karno enggan menurunkan Suria Darma Ketua Angkatan Udara kerana ia anak masnya? Dan banyak lagi” – kata kesatuan wanita di Kalimantan! Sungguh sifat Bung Karno diktator sebab dari dahulu ia bercakap sesukanya sahaja dengan tidak lebih dahulu diketahui oleh Jemaah Menteri Indonesia yang bertanggung jawab!

* * *

Doktor Abdul Rauf dari Kolej Islam telah menyatakan supaya umat Islam memerhatikan kedudukannya kelak di dalam negara merdeka supaya tidak jadi keadaannya seperti di Timur Tengah! Seruan yang berharga ini sebenarnya patut disambut dan dimuliakan tetapi kemuliaan itu nampaknya jatuh ke atas daun keladi sahaja kerana kita maklum orang-orang Islam di seluruh Tanah Melayu termasuk Singapura cakupannya sahaja berdegar-degar. Buktinya hendak menerbitkan Harian Islam sebagai suara ummat Muslimin sahaja sudah dari tahun ke tahun tak jadi! Sebabnya? Kerana tidak ada perhatian dan tanggungjawab – mau besar tetapi tidak mau berkorban atau tidak mau menegakkan atau membantu yang kecil jadi besar. Kalau begini sifatnya jagalah pupusnya agama Islam dari Tanah Melayu ini! Tanggungjawabnya sudah tentu hartawan dan pemimpin-pemimpin – bukan? – Cemeti al-Farouk.